

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah beliau akan menunaikan janji membubarkan Parlimen sekiranya memenangi pilihan raya negeri Sabah baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagaimana Ahli Berhormat sedia maklum, telah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan negara terus maju ke hadapan terutamanya dalam menghadapi landskap pasca Covid-19. Kerajaan pada masa ini perlu memastikan segala perancangan berkaitan kestabilan politik, ekonomi dan sosial dapat dilaksanakan agar kelangsungan hidup seluruh rakyat Malaysia sentiasa terbela dalam apa jua keadaan sekalipun.

Sesungguhnya Kerajaan sentiasa mengotakan janji yang telah dinyatakan sebelum ini agar rakyat dapat menilai sejauh mana ketelusan dan keseriusan pemerintah di bawah Kerajaan Perikatan Nasional. Namun begitu, membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya dalam keadaan negara berdepan cabaran penularan Covid-19 adalah bukanlah langkah yang tepat buat masa ini kerana Kerajaan sedang berusaha untuk memerangi wabak tersebut dan mengawal gelombang ketiga serta mengelak gelombang-gelombang seterusnya daripada berlaku. Sekian, terima kasih.